

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KETIGA BELAS**

PERTANYAAN : BERTULIS

**DARIPADA : TUAN SIM TZE TZIN
[BAYAN BARU - PKR]**

SOALAN (NO. 442)

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan berapakah peruntukan yang diterima oleh Persatuan Seni Silat Kebangsaan (PESAKA) pada tahun 2015.

SULIT

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada tahun 2015 PESAKA telah menerima peruntukan sebanyak RM750 ribu daripada Kementerian Belia dan Sukan (KBS) untuk bantuan Program Pembangunan Sukan Silat PESAKA dan Penyertaan Kejohanan Silat Dunia Ke-16.
2. KBS melalui Majlis Sukan Negara (MSN) juga telah memperuntukan sebanyak RM604,394 ribu kepada PESAKA yang merangkumi peralatan, elaun latihan, penganjuran kejohanan, bantuan teknikal dan penyertaan atlet ke kejohanan dalam dan luar negara khususnya persediaan atlet ke arah Sukan SEA 2015 di Singapura yang menyaksikan kontinjen silat membawa pulang 3 pingat emas, 2 perak dan 3 gangsa.

Sekian, terima kasih.